

05 DEC 1999

Shahidan - azam

SHAHIDAN AZAM TINGKATKAN KEKUATAN PARTI

KANGAR, 5 Dis (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim yang dilantik semula menerajui kerajaan negeri Perlis berazam untuk meningkatkan kekuatan parti sebagai persediaan awal menghadapi pilihan raya seterusnya.

Antara tugas besar yang akan dilakukan ialah persediaan awal bagi merampas semula tiga kerusi dewan undangan negeri yang ditawan oleh PAS pada pilihan raya umum Isnin lepas, kata Shahidan kepada Bernama ketika dihubungi di Kuala Lumpur hari ini.

Pada pilihan raya umum ke 10 pada 29 Nov lepas, kerusi dewan undangan negeri Guar Sanji, Sanglang dan Santan gagal dipertahankan oleh Barisan Nasional.

Sambil bersyukur dengan pelantikan semula itu, Shahidan berkata, pengumuman Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung pelantikannya itu turut menamatkan spekulasi politik di Perlis.

Pada satu sidang berita di Jitra hari ini, Perdana Menteri mengesahkan bahawa Shahidan kekal sebagai Menteri Besar Perlis dan surat pelantikan telah dikeluarkan.

"Saya ucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri yang menaruh keyakinan kepada saya," kata Shahidan.

Menurutnya, beliau akan menghadap Raja Perlis pada Selasa ini dan mengangkat sumpah pada hari Rabu.

Pelantikan anggota majlis mesyuarat kerajaan negeri dijadualkan pada 14 Dis ini.

Shahidan, 48, menjadi Menteri Besar sejak 1995. Pada pilihan raya lepas, beliau mengekalkan kerusi Tambun Tulang dengan menewaskan calon PAS Haji Ismail Ahmad.

-- BERNAMA

AD MAI